



SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

1. Adakah premis pejabat MOSTI masih boleh dikunjungi?

Kementerian menghadkan bilangan pegawai yang hadir bertugas dan kehadiran pelawat di pejabat. Pelawat yang ingin berurusan dengan Kementerian digalakkan untuk menghubungi pegawai melalui email dan talian telefon untuk mendapatkan perkhidmatan atau menghubungi talian **Call Center** Kementerian di talian 03-8885 8522 yang beroperasi **dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 malam**:

Manakala talian *hotline* berikut disediakan bagi membantu pelanggan untuk mendapatkan bantuan bagi perkhidmatan Kementerian:

- (i) 03 - 8885 8892 (Urusan Kewangan)
- (ii) 03 - 8885 8044 (Urusan Sumber Manusia)
- (iii) 03 - 8885 8324 (Urusan Dana)
- (iv) 03 - 8885 8154 (Urusan R&D dan Makmal Ujian)

Sebarang soalan berkaitan program/aktiviti kementerian juga boleh dipanjangkan melalui emel covid19mosti@mosti.gov.my

2. Adakah invois tuntutan yang dikemukakan oleh pembekal bagi perkhidmatan yang telah disempurnakan akan diproses dalam PKPB?

Walaupun projek/program ditangguhkan pelaksanaannya, namun tuntutan bayaran bagi pembekalan/perkhidmatan/kerja yang telah disempurnakan dan lengkap invoisnya serta dikemukakan kepada Kementerian sebelum/semasa tempoh PKP, pembayaran boleh dibuat selaras dengan syarat kontrak.

3. Adakah mesyuarat Lembaga Perolehan dan Jawatankuasa Sebutharga (JKSH) bersidang dalam tempoh PKPB?

Ya, Mesyuarat Lembaga Perolehan dan Jawatankuasa Sebutharga telah dijadualkan dan akan bersidang dalam tempoh PKPB.

4. **Adakah tender/sebut harga diiklankan /dipelawa dalam tempoh PKPB?**

Tertakluk kepada peraturan yang berkuatkuasa, tender/sebut harga akan diiklankan/dipelawa dalam tempoh PKPB.

5. **Adakah sesi Klinik Dana MOSTI masih dibuka dalam tempoh PKPB?**

Klinik dana ditangguhkan hingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Buat sementara waktu, sesi konsultasi dana MOSTI dilaksanakan melalui e-mel helpdesk-edana@mestecc.gov.my atau telefon.

6. **Adakah premis di bawah MOSTI yang dibuka kepada orang awam masih boleh dikunjungi?**

Ibu Pejabat dan semua Jabatan/Agensi di bawah MOSTI seperti Pusat Sains Negara (PSN) dan Planetarium Negara ditutup sementara hingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

7. **Apakah program-program MOSTI yang melibatkan perhimpunan ramai seperti Minggu Sains Negara akan diteruskan?**

Semua program MOSTI yang melibatkan perhimpunan ramai ditangguhkan dan sebarang perubahan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

8. **Bagaimanakah pemegang lesen dan orang awam boleh mendapatkan perkhidmatan Lembaga Pelesenan Tenaga Atom dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat ini?**

Pemegang lesen dan orang awam masih boleh menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh LPTA melalui Sistem eLesen eSPP di atas talian ataupun melalui e-mel. Sebarang permasalahan boleh hubungi *Person In Charge* (PIC) seperti berikut:

Bahagian Penilaian dan Perlesenan

- a. Encik Fedrick Charlie Matthew Brayon – fedrick@aelb.gov.my
- b. Encik Muhammad Hassyakirin Hasim – kirinhasim@aelb.gov.my
- c. Encik Muhammad Redza Fahmi Rosdi – redza@aelb.gov.my

Bahagian Kawalselia Sinaran

- a. Dr. Suhana Jalil – suhana@aelb.gov.my
- b. Encik Mohd Hazmin Safiyudin Abdullah – hazmin@aelb.gov.my

9. **Adakah sektor R&D dan makmal ujian dibenarkan beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat ini?**

Sektor R&D dan makmal ujian dibenarkan beroperasi bagi menjalankan aktiviti-aktiviti yang dibenarkan sahaja iaitu penyelidikan/ pengujian, perkhidmatan analitikal, audit, kerja penyelenggaraan dan kalibrasi.

10. **Adakah TASKA MOSTI di Blok C4 dibenarkan beroperasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ini?**

TASKA MOSTI dibenarkan beroperasi pada jam 7.00 pagi hingga 6.00 petang dan anak-anak dibenarkan berada di taska bermula 7.30 pagi sehingga 5.30 petang sahaja. Hanya seorang penyelia dan maksimum 6 guru dibenarkan bekerja pada setiap hari.

11. **Apakah aktiviti-aktiviti yang dibenarkan semasa operasi TASKA MOSTI?**

Aktiviti yang dibenarkan adalah kelas dan aktiviti anak-anak berdasarkan perancangan jagaan harian, aktiviti makan dan minum (pagi, minum pagi, tengah hari dan minum petang) serta penjagaan kebersihan diri anak jagaan.

12. **Apakah aktiviti-aktiviti yang tidak dibenarkan semasa operasi TASKA MOSTI?**

Ibu bapa tidak dibenarkan berkumpul di taska semasa menghantar dan mengambil anak, pelawat luar tidak dibenarkan masuk ke kawasan taska semasa dan selepas waktu operasi serta aktiviti lawatan keluar tidak dibenarkan sama sekali.

13. **Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pengusaha TASKA MOSTI bagi memastikan tahap keselamatan guru, anak-anak dan ibu bapa terjamin?**

Pengusaha taska perlu memastikan perkara-perkara berikut dilaksanakan:

- (i) penjarakan sosial 1 meter antara ibu bapa semasa menghantar dan mengambil anak;
- (ii) ibu bapa dibenarkan berada sehingga pintu taska sahaja dan dilarang sekeras-kerasnya masuk ke ruang dalam taska;
- (iii) suhu badan anak-anak dan guru (serta ibu bapa yang perlu masuk ke ruang dalam taska atas sebab kecemasan) diambil dan disaring di mana suhu melebihi yang dibenarkan akan serta-merta tidak dibenarkan hadir bertugas/hadir ke taska;
- (iv) mewajibkan penggunaan *hand sanitizer* bagi semua guru dan ibu bapa serta anak-anak (di mana berkaitan);

- (v) para guru diwajibkan memakai topeng muka semasa mengendalikan anak-anak;
- (vi) meja pembelajaran dan katil anak-anak disusun dengan jarak 1 meter;
- (vii) pengasuh memastikan para guru diberi latihan mengenai amalan kebersihan diri dan penjarakan sosial serta kaedah mengendalikan anak-anak semasa tempoh PKPB ini; dan
- (viii) menghebahkan SOP operasi taska semasa tempoh PKPB ini melalui poster di luar pintu taska serta komunikasi dengan ibu bapa menggunakan medium tanpa sentuhan/bersemuka.

14. Adakah Kafe MOSTI di Blok C4 dibenarkan beroperasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat ini?

Kafe MOSTI dibenarkan beroperasi pada jam 7.00 pagi hingga 2.30 petang dan pelanggan dibenarkan mengunjungi kafe bermula 7.15 pagi sehingga 2.00 petang sahaja.

15. Apakah aktiviti-aktiviti yang dibenarkan semasa operasi kafe MOSTI?

Aktiviti yang dibenarkan adalah pembelian makanan bungkus sahaja dan maksimum 10 pelanggan dibenarkan berada di dalam kafe pada satu-satu masa. Makan di kafe adalah tidak dibenarkan sama sekali dan pelanggan perlu sentiasa mengamalkan penjarakan sosial semasa menunggu giliran masuk ke kafe, memilih makan dan semasa pembayaran.

16. Apakah aktiviti-aktiviti yang tidak dibenarkan semasa operasi kafe MOSTI?

Pengusaha Kafe tidak dibenarkan memasak masakan di dalam Kafe dan pelanggan tidak dibenarkan berkumpul melebihi 10 orang dalam satu-satu masa.

17. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pengusaha Kafe bagi memastikan tahap keselamatan para pengunjung terjamin?

Pengusaha Kafe perlu memastikan penjarakan sosial 1 meter antara pelanggan, mewajibkan penggunaan *hand sanitizer* atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun, mengambil dan merekod suhu badan pekerja pada awal waktu bekerja, menggunakan cecair pencuci dengan kandungan alkohol melebihi 70%, menjarakkan meja sejauh 1 meter dan menghadkan 10 orang pelanggan sahaja yang berada di Kafe pada satu-satu masa.

18. Apakah aktiviti-aktiviti yang tidak dibenarkan oleh pihak Kementerian?

Institusi/agensi/jabatan/syarikat adalah tidak dibenarkan untuk menganjurkan ceramah/seminar/kursus/latihan, perhimpunan dan kunjungan pelawat serta mana-mana aktiviti yang melanggar ketetapan yang telah ditetapkan kerajaan terutamanya aktiviti yang melibatkan kumpulan orang yang ramai.

19. Pelanggan yang telah membuat temujanji perkhidmatan memaklumkan bahawa beliau hanya dapat hadir selepas jam 4 petang. Adakah kelonggaran dibenarkan bagi situasi ini?

Waktu kehadiran pelanggan hanya dibenarkan dari jam 8 pagi hingga 4 petang dan kelonggaran kepada syarat ini adalah tidak dibenarkan.

20. Adakah semua institusi/agensi/ jabatan/ syarikat di mana-mana lokasi di Kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dibenarkan beroperasi?

Institusi/ agensi/jabatan/ syarikat di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) adalah tidak dibenarkan beroperasi.

21. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil dalam menjalankan operasi semasa tempoh PKP Bersyarat ini?

Institusi/agensi/jabatan/syarikat perlu menyediakan protokol di tempat kerja mengikut standard yang telah ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu:

- Majikan diminta untuk menjalankan saringan suhu dan gejala kesihatan bagi semua pekerja di pintu masuk dan tidak membenarkan pegawai yang menunjukkan gejala berkaitan Covid-19 untuk masuk ke pejabat;
- Pekerja yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5°C dan/ataupun menunjukkan gejala yang berkaitan hendaklah dirujuk ke klinik berdekatan dan diarahkan untuk menjalani tempoh kuarantin 14 hari di rumah masing-masing;
- Majikan juga perlu melaporkan kepada Pejabat Kesihatan berhampiran sekiranya 5% atau lebih pekerja tidak dapat hadir ke pejabat kerana demam dan/atau menunjukkan gejala berkaitan;
- Selain itu, proses pembasmian dan nyahkuman perlu dilaksanakan setiap hari; dan
- Amalan penjarakan sosial, pemakaian topeng muka dan penyediaan *hand sanitiser/ disinfecting kits* di pintu masuk, ruang makmal/kerja dan semua kawasan umum perlu dilaksanakan.

22. Apakah tanggungjawab institusi/jabatan/agensi/syarikat semasa berlakunya kecemasan?

Institusi/jabatan/agensi/syarikat perlu menyediakan *Emergency Response Plan* (ERP) bagi pengendalian kecemasan selain menanggung sepenuhnya kos saringan dan perubatan bagi pekerja yang didapati positif dan kontak rapat di premis yang sama. Institusi/agensi/jabatan/syarikat juga perlu menanggung kos pembasmian dan nyah kuman di ruang makmal/kerja yang perlu dijalankan sebelum dan selepas operasi.

23. Adakah sebarang kelonggaran kepada syarat-syarat dalam garis panduan ini adalah dibenarkan?

Sebarang kelonggaran kepada syarat-syarat di dalam garis panduan ini adalah **TIDAK** dibenarkan.

Catatan:

- 1) *Adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak untuk memahami dan mematuhi semua arahan semasa pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga SOP Pencegahan Covid-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk kita sama-sama mengurangkan risiko dan membendung penularan pandemik Covid-19 ini.*
- 2) *Sebarang perubahan terkini sejajar dengan arahan terbaru pihak MKN dan KKM akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.*

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
4 MEI 2020